

PM mahu negara kecil diberi hak bersuara

BP 11 MAY 1985

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara-negara kecil diberikan hak menyuarakan pendapat dan fikiran mengenai keselamatan dunia dan tidak terus menjadi mangsa kepada kepentingan keselamatan negara-negara kuasa besar.

Perdana Menteri berkata, keselamatan dunia atau sebarang benua bukan hanya membabitkan negara-negara besar, sebaliknya negara-negara

kecil juga perlu memainkan tugas.

"Semua negara perlu memperbaharui kesungguhan mereka ke arah perlucutan senjata yang menyeluruh," katanya.

Beliau berharap rundingan antara Amerika Syarikat dengan Russia di Geneva yang sedang berlangsung akan mencapai persetujuan menyekat bertambahnya perlumbaan senjata.

"Kita juga berharap Persidangan Stockholm mengenai Keyakinan dan Langkah-Langkah

Membina Keselamatan dan Perlucutan Senjata di Eropah, yang turut membabitkan Romania akan mempertingkat dan memperkuat lagi keselamatan di Eropah," katanya di majlis jamuan makan meraiikan Perdana Menteri Republik Romania, Encik Constantin Dascalescu, di Sri Perdana malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan Malaysia bersependapat dengan Romania mengenai kebimbangan meningkatnya perlumbaan senjata di Eropah dan percaya ketidakstabilan di benua itu akan membawa kesan politik yang lebih meluas.

Percaya

"Jumlah wang dan harta yang banyak dibelanjakan untuk pembangunan nuklear dan senjata-senjata peperangan sepatutnya digunakan untuk kemanusiaan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia sama seperti Romania memandang berat keadaan ekonomi dunia sekarang. Ini termasuk soal negara-negara membangun yang terpaksa menghadapi masalah kadar faedah yang tinggi, beban hutang luar, dan dasar perlindungan berterusan yang diamalkan oleh negara-negara maju.

"Persidangan Bonn baru-baru ini tidak menghasilkan sebarang keputusan yang membolehkan pemulihan ekonomi dunia. Kerana itu, kerjasama antara Selatan - Selatan adalah langkah lebih baik bagi menguatkan kedudukan ekonomi dalam negeri dibandingkan keputusan-keputusan mengecewakan di persidangan Utara - Selatan," katanya.